

10 JUL 1996

MESYUARAT KE-173 MAJLIS RAJA-RAJA BERMULA HARI INI

ALOR GAJAH, 10 Julai (Bernama) -- Sultan Kelantan mempengerusikan mesyuarat ke-173 Majlis Raja-Raja di A'Famosa Resort di sini hari ini.

Mesyuarat yang pertama kali diadakan di Melaka itu akan berlangsung selama dua hari.

Yang Dipertuan Agung Tuanku Ja'afar akan menghadiri mesyuarat itu esok, dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mesyuarat hari ini dihadiri semua Raja kecuali Sultan Johor, Sultan Selangor dan Sultan Pahang. Sultan Johor diwakili Tengku Mahkota Johor, Sultan Selangor diwakili Pemangku Sultan Tengku Azman Shah almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah dan Sultan Pahang diwakili Raja Muda Pahang.

Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tengku Naquiyudin Tuanku Ja'afar juga hadir.

Yang turut hadir ialah Yang Dipertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri diiringi oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing kecuali Kelantan yang diwakili Timbalan Menteri Besar Abdul Halim Abdul Rahman dan Pulau Pinang yang diwakilli Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar. -- BERNAMA

MOZ NMO